

02 NOV 1998

MAHATHIR-Matawang

IKTIRAF DAGANGAN MATAWANG SEBAGAI SEBAB ASAS KRISIS KEWANGAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Tindakan pembedahan tidak boleh diambil untuk menyelesaikan krisis kewangan sekarang kecuali dagangan matawang diiktiraf sebagai sebab asas masalah itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Katanya ubahsuai luaran, membetulkan sebab-sebab peralatan dan sebagainya, tidak membawa kebaikan sama sekali.

"Tidak juga pengakuan bahawa dagangan matawang adalah terlalu besar dan terlalu kuat untuk dikawal selia akan membantu mengatasi masalah itu," katanya di dalam ucapan utama pada majlis jamuan tengah hari yang diadakan sempena persidangan kewangan antarabangsa mengenai "Menangani Krisis Kewangan Asia: Pengajaran dan Cabaran".

Dr Mahathir berkata dagangan matawang dalam bentuk sekarang adalah tidak penting sungguhpun menukar satu matawang untuk matawang lain adalah perlu bagi dagangan dunia.

Persidangan dua ahri ini, yang dianjurkan bersama oleh Rating Agency Malaysia Bhd, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia dan Lim Kok Wing Integrated dihadiri oleh 350 peserta termasuk peserta dari Jepun, Korea, Hong Kong dan Singapura.

"Jika dagangan matawang tidak boleh dihapuskan, maka ia harus diselia dan dikawal dengan betul.

"Ini mungkin dilaksanakan jika kuasa-kuasa ekonomi besar dan kaya sanggup bekerja sama, untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dan menguatkuasakannya," katanya.

Sambil berkata bahawa dagangan matawang mesti dipaksa dilakukan secara terbuka, Dr Mahathir menambah kata dunia bertindak serentak untuk mengelakkan pembersihan wang haram.

"Tidak ada sebab kenapa dunia tidak boleh bertindak serentak bagi mengawal selia dagangan matawang," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata dagangan seumpamanya mestilah didaftar dan dilesen di negara-negara di mana mereka beroperasi.

Bank-bank mestilah dipaksa mengurangkan wang yang mereka pinjatkan kepada dana-dana untuk gandaan munasabah, tambahnya.

Katanya asas bagi menukar kadar tukaran mestilah diseragamkan selagi ada pembeli, tidak harus ada perubahan dalam kadarnya.

Dr Mahathir berkata hanya peratusan tertentu didalam perubahan kadar tukaran wang patut dibenarkan bagi tempoh tertentu dan sebarang kadar melebihi peratusan itu harus mengakibatkan pemberhentian dagangan.

"Penjual-penjual mestilah menyerahkan dalam tempoh tertentu wang yang dijual.

"Satu jumlah tidak melebihi peratusan tertentu dagangan di negara berkenaan mestilah ditetapkan pada had minimum bagi sebarang urusan niaga pada mana-mana hari," katanya.

Perdana Menteri berkata aturan, peraturan dan undang-undang pastinya menghalang peniaga-peniaga daripada membuat keuntungan yang mereka pernah buat.

"Tetapi jika dagangan barangan dan perkhidmatan dihadkan oleh apa yang boleh ditanggung oleh pasaran, kenapa ia tidak harus menghadkan dagangan matawang?

"Mestikah kita lindungi keuntungan berlebihan dagangan matawang sehingga menjatuhkan negara-negara, kawasan-kawasan dan dunia ke dalam

kegawatan ekonomi dan kemelesetan ekonomi?" katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa perdagangan bebas adalah baik hanya jika ia menghasilkan kekayaan dan faedah kepada rakyat dan negara-negara terbabit tetapi ia tidak bermaksud untuk menguntungkan seseorang hingga mengakibatkan kehancuran rakan kongsi lain.

Katanya: "Jika perdagangan bebas bermaksud bahawa yang kaya boleh memperkosa yang miskin, maka bukan lebih baik yang miskin ditakluki oleh yang kaya dan berkuasa.

"Jika beginilah rupanya orde ekonomi dunia, maka kita lebih baik tidak bercakap tentang kemerdekaan negara-negara dan hak kemanusiaan.

"Ia akan merupakan hipokrasi tertinggi jika kita terima penindasan rakyat miskin oleh yang kaya sebagai satu norma, apabila kita semua bercakap mengenai sebuah masyarakat yang berani, berpersi kemanusiaan dan sejagat.

"Kita sebenarnya berundur dan kembali ke Zaman Gelap, zaman kepercayaan karut di mana penindasan ekonomi dan politik mesti diterima oleh semua orang ke atas kesakitan yang diisytiharkan kepada mereka yang tidak percaya dan dibakar pada tiang."

Dalam ucapannya selama 30 minit, Perdana Menteri turut menyentuh usaha dalam menyelamatkan syarikat-syarikat semasa kegawatan ekonomi bagi mengelakkan keruntuhan ekonomi secara besar-besaran.

Dr Mahathir berkata menyelamatkan syarikat-syarikat adalah sesuatu yang setiap orang tidak faham dan ide bahawa syarikat-syarikat yang gagal tidak harus diselamatkan bukanlah satu perkara sekatan perlu diikuti..

Terlalu banyak orang tidak bersalah akan dihukum jika perniagaan dibenarkan gagal. Hukum mereka yang berdosa dengan apa cara tetapi membunuh syarikat-syarikat tidak menguntungkan sesiapa," tambahnya.

Dr Mahathir berkata mereka yang tidak berdosa ialah yang akan paling menderita dan jika berlaku kegagalan, syarikat-syarikat boleh diselamatkan dan negara terus makmur.

Beliau mempersalahkan kejatuhan serentak ekonomi-ekonomi Asia Timur disebabkan peranan pedagang-pedagang matawang.

Beliau memberitahu persidangan itu bahawa jika mereka mahu menangani krisis kewangan Asia dengan sebarang kemungkinan kejayaan, mereka perlu menangani spekulasi dan manipulasi matawang.

-- BERNAMA

AFY SJA OS